

Bekalan pertama vaksin Pfizer-BioNTech tiba di Malaysia

Persiapan rapi jayakan pelan imunisasi

Muhyiddin, Dr Noor Hisham terima suntikan terawal sebelum diperluas

Oleh Veena Rusli
veena@bhi.com.my

Kuala Lumpur: Selepas lebih setahun negara 'berperang' menentang musuh tidak kelihatan yang meragut lebih 1,000 nyawa, sejarah moden Malaysia akan mengingati 21 Februari 2021 sebagai detik bersejarah ketika menerima suntikan pertama dos vaksin Pfizer-BioNTech.

Bagikan dapat membuka peredaran rakyat keseluruhannya, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkecuali sentimen itu menerusi siaran di Twitter: "Pagi 22/2/2021 yang bersejarah, menyatukan kita sebagai rakyat yang meluhurkan harga darah, keringat, air mata dan pengorbanan."

"Ini permulaan sebuah perang dan strategi berbeza, dengan seketika harapan untuk melihat sinar di hujung jalan. Tiada yang selamat sehingga semuanya selamat."

Sinar ditunggu sekian lama tiba dalam bentuk 312,300 dos vaksin Pfizer-BioNTech yang diherbangkan pesawat Malaysia Airlines MH604 dari Singapura oleh juruterbang berpengalaman 29 tahun kelahiran Kelantan, Kapten Hamdan Ismail.

Pesawat Airbus 330-300 dihiasi livery Jaler Gemilang sebagai simbolik misi nasional untuk rakyat Malaysia yang dilaksanai, mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) jam 10.07 pagi semalam.

Mengusulkan usjapan terawal kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dalam proses membina vaksin COVID-19 ke tanah air Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengadungi kepentingan vaksinasi bagi membentuk komuniti berketangkapan, dengan sekurang-kurangnya 80 peratus penduduk dewasa mendapat suntikan.

Persiapan rapi dan ketepatan semua pihak, terutama Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRF) serta Bahagian Farmasi Kementerian Kesihatan (KKM) menguruskan kelancaran peng-

hantaran dan penerimaan vaksin, membolehkan program imunisasi itu dimulakan Rabu ini, awal dua hari berbanding jadual asal.

Muhyiddin dan Dr Noor Hisham akan menjadi dua individu terawal menerima suntikan vaksin, sebelum diperluas kepada vaksinasi atau mereka yang menyuntik dan petugas barisan hadapan, merangkumi sektor kesihatan serta keselamatan.

Sekitar keluaran, 571,802 anggota barisan hadapan sudah bersedia untuk program imunisasi fasa pertama ini.

Perbincangan juga, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, sedang dibuat untuk mengemukakan dokumen fizikal seperti pasport sebagai pengesahan individu yang sudah mendapat vaksin COVID-19 yang turut diterima pakai negara lain.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JIKAV), menubuhkan guru dan petugas media berisiko tinggi mungkin di-senaraikan dalam imunisasi fasa pertama atas skop tugas, namun perbincangan masih berlangsung.

Penghantaran kedua vaksin Pfizer-BioNTech dijadual pada 26 Februari, disusuli setiap dua minggu sehingga selesai pesanan daripada syarikat farmaseutikal itu.

Vaksin Sinovac dari China dijadual tiba pada 27 Februari dan masih menunggu keputusan NPRF, manakala vaksin AstraZeneca dijangka diperoleh bulan depan.

Signifikan perolehan vaksin fasa pertama yang akan menggerakkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan itu, dilihat bakal membuka laluan luas kepada usaha pemulihan sektor ekonomi yang diunjur antara 4.5 hingga lima peratus tahun ini, atas perkiraan program vaksinasi berjalan lancar.

Isi juga diharap memberi nafas baharu terhadap sektor perkhidmatan dan industri pelancongan yang hampir setahun surut berikutan larangan pergerakan secara menyeluruh pada peringkat domestik dan antarabangsa.



Dr Adham (dua dari kanan) dan Dr Noor Hisham (dua dari kiri) menerima suntikan vaksin COVID-19 jenis Pfizer-BioNTech sebagai terawal tiba di Advanced Cargo Centre (ACC), KLIA, semalam.

Kumpulan sasaran bagi 3 fasa pemberian vaksin dan anggaran individu yang akan divaksinasi.

FASA 1 (Februari - April 2021)

Kumpulan utama 1

Petugas barisan hadapan yang merangkumi petugas kesihatan kerajaan dan swasta

500,000 orang

Kumpulan utama 2

Petugas barisan hadapan yang merangkumi perkhidmatan penting* (essential) dan pertahanan

*Alan dibenarkan dari semua ke semua oleh JIKAV

FASA 2 (April - Ogos 2021)

Kumpulan utama 1

Staf kakitangan penjaga kesihatan serta perkhidmatan penting dan pertahanan

9.4 juta orang

Kumpulan utama 2

Warga emas berumur 60 tahun ke atas, golongan berisiko tinggi mengalami penyakit kronik seperti penyakit jantung, obesiti, diabetes dan tekanan darah tinggi dan orang kelainan upaya (OKU)*

*Maklumat terperinci akan diberikan dari semua ke semua

Kawalan wabak

FASA 3 (Mei 2021 - Februari 2022)

Kumpulan utama

Penduduk berumur 18 tahun ke atas (warganegara & bukan warganegara) Keutamaan diberikan kepada zon merah, zon kuning dan kemudian zon hijau

Sasaran 13.7 juta orang/ lebih

Kawalan wabak

Sumber: KKM

Pengedaran darat turut berlaku di selatan tanah air apabila sebahagian daripada dos vaksin COVID-19 Pfizer-BioNTech dibawa masuk dari Singapura dan tiba di Tambak Johor jam 2 petang semalam.

Vaksin yang tiba di tanah air dihantar ke 16 Pusat Simpanan Vaksin (PSV) di seluruh negara.

Sekitar ini, 54 lokasi dijadikan PSV termasuk empat di Johor; Se-

langor (enam), Pulau Pinang (dua), Kuala Lumpur (dua) dan satu di Putrajaya, untuk diagih ke 96 Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

Perjalanan vaksin berkenaan bermula dari kilang Pfizer di Belgium, Belgium, diuruskan sendiri oleh Pfizer dan DHL Express menerusi perjanjian peringkat global.

Vaksin berkenaan berlepas dari

Puurs, Belgium dan transit di Leipzig Halle Airport sebelum meneruskan perjalanan ke Singapura untuk pengedaran ke negara Asia Pasifik, termasuk Malaysia.

Sebagai jaminan potensi keberkesamaannya, vaksin Pfizer-BioNTech yang diperolehi perlu disimpan dalam suhu sejuk melampaui paras -70 darjah Celsius (°C).

Dalam usaha memenduki keperluan logistik itu, kerajaan membeli 55 peti sejuk dengan suhu ultra-rendah bagi menyimpan bekal vaksin berharga RM16.6 juta.

Fasa pertama Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bermula bulan ini hingga April, diikuti fasa kedua dari April hingga Ogos bagi kumpulan berisiko tinggi seperti warga emas serta kumpulan rentan dan juga Orang Kurang Upaya (OKU).

Fasa ketiga akan berlangsung dari Mei hingga Februari tahun depan, membolehkan kumpulan dewasa berusia 18 tahun ke atas, termasuk warga asing.

Pensyarah Pusat Kajian Pembangunan Industri dan Lestari, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM, Prof Madya Dr Norlin Khalid, berkata program imunisasi mampu memulihkan kembali ekonomi negara seperti sedia kala secara berperingkat, meningkatkan sentimen program sekali gus merangsang penggunaan swasta.

Ketua Ekonomi Bank Islam Malaysia, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata inisiatif utama program vaksinasi ialah mengurangkan penularan wabak COVID-19, sekali gus perubatan ekonomi dapat digeroskan.

Ketibaan kumpulan pertama dos vaksin COVID-19 semalam adalah perjalanan baharu penubuh sentiment, terutama bagi ribuan petugas barisan hadapan yang sudah lebih setahun berkorban tanpa henti demi menyelamatkan nyawa.

Memetik siaran Khairy semalam, vaksin bukan ubat namun vaksinasi adalah penawarnya. Tanpa persiapan dan prosedur, dua dos suntikan yang hebat di terima kelak tidak mungkin mengembalikan kehidupan lalu tetapi boleh mengorbankan masa depan yang lebih menyakinkan.